

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, April 1, 2019 11:38 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Syarahan Profesor Adjung TISSA-UUM Kupas Masa Depan Profesion Perakaunan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

01 APRIL 2019 / 25 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Seksyen Media UKK

SYARAHAN PROFESOR ADJUNG TISSA-UUM KUPAS MASA DEPAN PROFESION PERAKAUNAN



UUM ONLINE: Pengasas dan Rakan Kongsi SALIHIN, Salihin Abang berkongsi mengenai masa depan bidang perakaunan di era teknologi dengan mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena Syarahan Profesor Adjung anjuran Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) yang diadakan di Dewan Seminar CAS baru-baru ini.

Syarahannya bertajuk "The future of Accountancy in a Technological Future" itu mengupas trend teknologi dalam bidang perakaunan dan masa depan profesion berkenaan.

Dalam syarahannya itu beliau berkongsi mengenai sembilan teknologi utama yang mentransformasi perdagangan dan industri termasuk Internet of Things (IoT), big data dan analisis serta pengkomputeran awan (cloud computing).

"Perkembangan teknologi kewangan atau FinTech seperti RoBoCFO dan RoBoBanker pada asasnya mengubah sifat penyampaian perkhidmatan perakaunan dan kewangan.

"Teknologi lain seperti big data dan analisis membolehkan juruaudit untuk menilai jumlah data yang semakin meningkat," katanya

Beliau juga mengingatkan mahasiswa bahawa fungsi perakaunan biasa telah digantikan dengan teknologi yang memaksa manusia mengambil tugas yang memerlukan pertimbangan dan kreativiti yang mana ianya kurang dipunyai oleh teknologi.

Selain itu, tambahnya, pelajar dalam bidang akauntan juga perlu mempunyai kemahiran lain seperti analisis data, kewangan dan undang-undang untuk bersaing pada masa akan datang.

Program yang dihadiri kebanyakannya oleh pelajar perakaunan itu berlangsung lebih dua jam dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Turut diadakan sesi perkongsian ilmu yang diadakan di Bilik Mesyuarat Insan Fikir selepas syarahan berlangsung.

Sesi ini memberi peluang kepada staf TISSA-UUM mengutarakan pelbagai isu seperti rangka kerja kompetensi MIA, peranan pendidik dalam era digital dan keperluan untuk TISSA-UUM merombak penawaran programnya dalam menghadapi perubahan teknologi.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.